

**DEWAN MAJLIS****Selasa, 13 Jamadilakhir 1437 / 22 Mac 2016****YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN  
(PERDANA MENTERI DAN  
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong, DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, DPMB., PJK., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, DPMB., PIKB, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

#### **AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.  
**(Tidak hadir)**

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB., PSB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB., PKL.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Zon 1 - Brunei. **(Tidak hadir)**

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Zon 2 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Zon 3 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Zon 4 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Zon 1 - Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Zon 2 - Kuala Belait dan Seria.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL. Zon 1 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Zon 2 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., PSB., Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

**HADIR BERSAMA:**

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**Mesyuarat mula bersidang  
pada pukul 10.00 pagi**

**Yang Dimuliakan Jurutulis:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang hari ini iaitu hari yang terakhir, hari yang ketiga belas, Selasa 13 Jamadilakhir 1437 bersamaan 22 Mac 2016, didahului dengan Doa Selamat.

**DOA SELAMAT**

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya jua, kita dapat bersama-sama hadir di Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas

Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang pada hari ini iaitu hari ketiga belas.

Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Saiyidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Persidangan sekarang disambung lagi bagi Perkara IX iaitu Ucapan-Ucapan Penangguhan. Pada sidang yang telah kita adakan pada hari Isnin semalam, seramai 19 orang Ahli Yang Berhormat yang membuat kenyataan masing-masing dalam Ucapan-Ucapan Penangguhan mereka.

Walau bagaimanapun, di hadapan saya masih lagi ada senarai Ahli Yang Berhormat yang terdiri daripada Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan yang suka untuk membuat kenyataan Ucapan-Ucapan Penangguhan mereka. Sekarang saya persilakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat seterusnya untuk membuat Ucapan-Ucapan Penangguhan masing-masing.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Ucapan Penangguhan seterusnya yang akan dibuat oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Alhamdulillah Rabbil'alamin Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Anbiya Walmursalin Sayyidina Muhammaddin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajmain. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua kita sampai ke sesi menutup Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara Tahun 1437 bersamaan 2016.

Kaola lebih dahulu merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua dengan jayanya telah memimpin dan membantu permesyuaratan ini dengan penuh lancar lagi sempurna dalam suasana tenang dan harmoni terbuka dan saling memahami yang membolehkan Dewan ini berbahas dengan penuh tanggungjawab bagi membuah *outcome* yang positif lagi membina.

Ucapan penghargaan juga dirakamkan kepada Yang Dimuliakan Jurutulis, Yang Mulia Timbalan Jurutulis dan semua warga Dewan Majlis ini atas kegigihan

mereka dalam membantu melicinkan permesyuaratan di Dewan yang mulia ini. Penghargaan juga kaola ucapkan kepada semua Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara kerana telah menyokong dan meluluskan pembentangan Rang Undang-Undang Perbekalan tanpa sebarang pindaan terutama dalam sama-sama mendukung kerajaan bagi menangani secara berkesan bagi memastikan kesejahteraan penduduk negara ini akan terus terpelihara.

Sokongan berterusan, makluman balas serta saranan konstruktif daripada Ahli-ahli Yang Berhormat adalah sangat-sangat kaola hargai dan sekali lagi diucapkan berbilang-banyak terima kasih. Apa jua saranan dan buah fikiran yang dikongsikan insya-Allah akan diteliti secara holistik, mendalam dan sewajarnya, mengikut keutamaan selaras juga dengan usaha-usaha kita untuk sama-sama mencapai negara yang *sustainable* dan *inclusive*.

Ini termasuklah pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan yang positif yang khususnya dikemukakan bagi Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan. Ia akan dijadikan sebagai nilai tambah dan *input* strategik dalam sebarang pengemaskinian, penelitian dan pengemas dasar strategi yang sedia ada terutama dalam menambah baik lagi kualiti dan keberkesanan perkhidmatan kepada orang ramai di samping dalam usaha pengukuhan ekonomi negara secara menyeluruh dan cadangan-cadangan reformasi belanjawan yang

bakal dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebagaimana jua yang pernah kaola nyatakan dalam Dewan yang mulia ini Tahun Kewangan 2016/2017 ini merupakan tahun yang paling mencabar bagi pengurusan kewangan negara kita, kerana realitinya Belanjawan negara dijangka akan berterusan mengalami deficit.

Ke arah bagi memastikan keadaan ini ditangani secara efektif dan terurus kerajaan perlu meneruskan dasar fiskal *feasibility* yang diamalkan dengan merancang langkah-langkah yang fiskal dengan sebaik mungkin demi memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk serta ekonomi negara akan terus dapat dipelihara bukan sahaja bagi menepati generasi masa kini akan tetapi juga generasi yang akan datang, insya-Allah.

Sehubungan dengan itu, kita akan terus memantau perkembangan minyak dunia yang telah menurun secara merudum sejak pertengahan tahun 2014. Sehingga masa ini pun masih rendah dan terus mengalami ketidakpastian atau pun *votality* yang sukar diramal.

Oleh itu, sebagai langkah beringat-ingat dan berwaspada, jika terdapat keperluan kerajaan akan mengambil langkah-langkah lanjut dalam memastikan perbelanjaan kerajaan akan sentiasa dalam kemampuan kewangannya yang *sustainable* bagi jangka masa panjang supaya kehidupan

rakyat dan penduduk negara ini terutama golongan yang berpendapatan rendah dan yang memerlukan akan sentiasa terpelihara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Alhamdulillah dan izin Allah Subhannahu Wata'ala dengan kepimpinan bijaksana dan berpandangan jauh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dasar fiskal dan *feasibility fiscal consolidation* yang diamalkan secara berterusan selama ini telah membolehkan negara untuk meneruskan rancangan dan program pembangunannya walaupun dalam kesederhanaan dan bajet yang lebih rendah.

Langkah berhemah ini perlu diteruskan memandangkan realiti semasa yang dialami oleh ekonomi global dan negara pada ketika ini. Oleh itu, corak dan keutamaan perbelanjaan perlu *rationalise* dan diseimbangkan bagi memberi laluan kepada program dan perancangan yang menjurus kepada mempelbagaikan sumber ekonomi dan memperluaskan asas pendapatan negara dengan tidak menjejaskan kesejahteraan, keperluan dan perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat dan penduduk negara ini.

Dalam erti kata lain, fokus kita perlu ditumpukan kepada memperkembangkan sektor perniagaan dan pelaburan agar sektor swasta ini

akan menjadi jentera peneraju pertumbuhan ekonomi ataupun *engine of economic growth* yang diharap akan dapat menyumbang kepada peningkatan pelaburan modal ataupun *capital promotions* dan menjana lebih banyak peluang pekerjaan yang berkualiti kepada anak-anak tempatan yang pada waktu ini peranan ini masih banyak dipikul oleh kerajaan.

Untuk itu, usaha akan terus dipertingkatkan bagi membina asas atau *fundamental* ekonomi negara yang lebih kukuh dan *sustainable* yang kurang bergantung pada perbelanjaan kerajaan dan sektor minyak dan gas. Bagi mencapai matlamat dasar tersebut, kerajaan insya-Allah akan berterusan berusaha menyediakan persekitaran atau iklim perniagaan dan pelaburan yang lebih kondusif.

Alhamdulillah, setakat ini menerusi Unit PENGGERAK dan Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 yang kedua-duanya diterajui oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri. Organisasi ini telah bekerja rapat dengan agensi kerajaan untuk memudah cara aktiviti ekonomi melalui inisiatif *Ease of Doing Business* supaya ia lebih propertumbuhan, probisnes dan propelaburan.

Di samping itu, berbagai-bagai reformasi bagi menggalak dan

menguatkan lagi pertumbuhan sektor swasta terutama pengusaha mikro kecil dan sederhana dan juga dalam menarik Pelaburan Langsung Asing (*FDI*) ke negara ini telah dan berterusan akan dilaksanakan. Usaha menarik *FDI* ini, merupakan salah satu strategi utama kerajaan untuk membangun asas ekonomi negara yang lebih kukuh, berdaya maju dan berdaya tahan.

Pelaburan Langsung Asing (*FDI*) dijangka akan membantu dalam meningkatkan lagi sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), di samping memberikan *spin off* ataupun kesan limpahan yang dapat mendukung usaha mempelbagaikan ekonomi negara.

Ini termasuklah dalam membuka lebih banyak peluang yang berkualiti kepada anak-anak tempatan, pemindahan teknologi dan kemahiran, membuka peluang perniagaan kepada perusahaan mikro kecil dan sederhana, meningkatkan permintaan tempatan, meningkatkan eksport negara, mengenalkan inovasi terkini yang dapat dikomersialkan dan lain-lain.

Selain itu, ia juga diharap dapat mengisi jurang ataupun *gap* yang timbul dari langkah pengawalan perbelanjaan kerajaan melalui peningkatan *capital promotion* ataupun pelaburan kapital dari pihak swasta.

Insya-Allah rakan sejawatan kaola Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri akan menerangkan secara *detail*

*FDI* yang telah dan sedang beroperasi di negara ini nanti.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Setakat ini inisiatif telah dilaksanakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam baik dari segi penjimatan perbelanjaan mahupun yang berkaitan usaha mempelbagaikan ekonomi negara.

Alhamdulillah, ia menunjukkan pencapaian yang menggalakkan walaupun sebahagian hasil tersebut hanya akan dirasai dalam jangka sederhana dan panjang. Namun demikian inisiatif ini hanyalah sebahagian usaha awal untuk menjadikan Negara ini sebagai destinasi bisnes dan pelaburan yang lebih menarik, kompetitif dan berdaya maju. Kerajaan insya-Allah akan berterusan memperkenalkan lebih banyak lagi perubahan yang akan dapat membantu meningkatkan daya saing negara dan berterusan memelihara kestabilan, keamanan dan kemakmuran negara.

Walau bagaimanapun, resepi kejayaan bagi perkara yang kaola nyatakan tadi akan memerlukan kita semua selaku rakyat dan penduduk negara ini dalam apa jua peringkat kehidupan untuk bersatu hati, bekerja keras dan bersatu padu, berdiri teguh menyokong dan mendukung dasar-dasar kerajaan di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam apa jua

keadaan, jika kita ingin melihat reformasi ekonomi ini akan berjaya kita laksanakan.

Sumbangan rakyat sekecil mana pun bentuknya amat bermakna bagi negara dalam mengharungi cabaran pada masa ini. Rakyat yang berdiri teguh di belakang kerajaan akan mampu merubah apa jua halangan dan rintangan, berjaya menjadikan cabaran dan peluang keemasan serta mampu menghasilkan kreativiti, motivasi, produktiviti dan inovasi yang tinggi.

Kaola bersyukur dan berbangga, sekarang kita telah mempunyai ramai belia tempatan yang sanggup mengharungi cabaran ini dengan melibatkan diri dalam perniagaan secara berdikari tanpa banyak bergantung harap pada bantuan kerajaan. Usahawan generasi baharu yang bersikap positif dan berani meneroka bidang baharu ini, diharapkan akan menjadi pemangkin lebih ramai lagi belia lain yang akan menceburkan diri dalam alam perniagaan.

Dalam kesempatan ini, kaola juga ingin menyeru kepada peniaga dan pengusaha yang berkecimpung di negara ini akan dapat memanfaatkan inisiatif kerajaan ini dengan mengambil peluang untuk meningkatkan aktiviti perniagaan mereka dan membantu negara dalam menjana lebih banyak peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan, menerokai teknologi dan inovasi baharu bagi melonjakkan perniagaan mereka ke peringkat serantau dan antarabangsa supaya



*economic fundamental* dan asas pendapatan negara akan dapat diperluaskan dan dipelbagaikan insya-Allah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah kita amat bersyukur kerana dengan kurnia, taufik dan kemurahan Allah Subhanahu Wata'ala serta dengan berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, rakyat dan penduduk negara ini masih mampu untuk terus menikmati tahap kebajikan dan kesejahteraan hidup yang selesa. Titik tolaknya, semua ini dapat kita capai dengan berkat sokongan kuat, berterusan dan padu daripada seluruh rakyat dan penduduk di negara ini terhadap semua dasar, usaha dan perancangan yang diambil oleh pihak kerajaan selama ini.

Kita penuh yakin, jika kita semua bersatu hati dan bekerjasama menyambut baik dan mendukung semua inisiatif kerajaan ini insya-Allah, kita bukan sahaja akan dapat menangani cabaran masa kini dengan berkesan malahan akan meningkatkan keteguhan ataupun *resilient* dan *dynamism* kita dan mampu memastikan kesejahteraan yang kita nikmati pada masa ini akan dapat diteruskan bagi generasi yang akan datang.

Tanggungjawab ini bukanlah hanya terletak atas bahu kerajaan semata-mata, malahan juga perlu dipikul oleh kita semua yang ada di Dewan yang

mulia ini dan juga seluruh rakyat penduduk di negara ini secara kolektif ataupun bersepadu sesuai dengan *whole of nation approach* yang pernah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Akhir sekali, marilah kita sama-sama menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya menerapkan *mindset* yang positif kepada diri kita sendiri, keluarga, masyarakat dan seluruh rakyat dan penduduk di negara ini.

Pada hemat kaola, penghijrahan *mindset* ini merupakan cabaran yang paling besar kepada kita semua selaku Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara ini kerana penghijrahan kepada minda positif ini hanya akan berlaku dan berjaya jika kita sendiri menerima hakikat yang sebenar yang perubahan tersebut perlu datang dan bermula dari dalam diri kita sendiri.

Kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan mengurniakan petunjuk dan hidayah-Nya membuka minda, menyatukan hati dan membimbing kita semua ke arah jalan yang berkebaikan dalam mengharungi cabaran ini dengan tabah, ikhlas dan penuh keredaan.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

**Yang Dimulihkan Jurutulis:** Ucapan Penangguhan seterusnya akan disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar.

**Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan rahmat-Nya jua negara kita terus berada dalam keadaan aman, makmur serta terus membangun di bawah pemerintahan dan berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kaola dengan tulus ikhlas merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas keprihatinan dan keikhlasan mereka dalam mengetengahkan isu yang menjadi perhatian dan kepentingan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Dalam perbincangan di Majlis ini, insya-Allah dapat membantu dalam memperbaiki dan meningkatkan lagi pentadbiran kerajaan termasuklah jabatan dan sektor di bawah kaola.

Kaola ingin menyentuh mengenai isu pekerjaan anak-anak tempatan di sektor minyak dan gas. Kaola sekali lagi menekankan bahawa pihak kerajaan akan dengan sedaya upaya mempertahankan *job security* anak-anak tempatan, walau pun iklim ekonomi pada masa ini setentunya mencabar kerana pihak kerajaan sangat menitikberatkan perkara ini.

Kaola ingin menyampaikan bahawa pihak kerajaan telah berusaha dengan gigih dengan bermuzakarah dan mendengar suara anak-anak tempatan di beberapa syarikat minyak dan gas untuk melihat realiti yang sebenar. Pihak kerajaan telah banyak membantu anak-anak tempatan yang bekerja di syarikat-syarikat minyak dan gas secara terbuka mahupun secara tertutup.

Pihak kerajaan juga membuat penelitian isu pekerjaan anak-anak tempatan secara komprehensif, holistik dan menyeluruh serta melibatkan segala pihak dan *stakeholder* yang berkenaan dan bukan mendengar dari satu pihak sahaja. Kaola menyeru jika masih ada isu-isu yang belum diselesaikan pihak berkenaan bolehlah berunding dengan abis kaola yang sentiasa mengambil berat tentang perkara ini.

Namun demikian, pihak Jabatan Tenaga dan Perindustrian akan terus memantau dan sentiasa proaktif dalam perkara ini, misalannya dalam menegaskan konsep *role over*. Pada masa yang sama, anak-anak tempatan disarankan untuk memantapkan prestasi kerja dan

disiplin yang baik kerana sememangnya aspek ini asas penting bagi keberkatan pekerjaan seseorang dalam sektor minyak dan gas negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Seperti mana di Dewan yang mulia ini yang sudah sedia maklum, penggantungan ekonomi pada sumber minyak dan gas menjadikan ekonomi negara mudah terjejas kerana harga minyak yang tidak stabil.

Usaha-usaha dalam mempelbagaikan ekonomi akan diteruskan dan insya-Allah akan diperkembangkan melalui proses kajian Pelaburan Langsung Asing (*FDI*) yang baharu dan menyediakan prasarana yang kondusif supaya negara dikenali sebagai destinasi yang probisnes, berkonsepkan ekonomi digital dan menggalakkan usahawan untuk memajukan bisnesnya melalui inovasi, sebagai hala tuju ekonomi negara yang akan datang.

Kaola seterusnya merujuk kepada saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin pada pagi kelmarin mengenai keberkesanan kerajaan berkaitan dengan isu pemilikan tanah yang menjejaskan peluang Pelaburan Langsung Asing (*FDI*) dalam membuat pelaburan di negara ini.

Seperti rakan kaola, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), sudah menjelaskan secara terperinci semasa beliau membentangkan Rang

Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2016/2017 pada minggu lepas, Jawatankuasa Pelaburan Langsung Asing dan Hiliran telah dan sedang merancang dan meneliti strategi dan pelan tindakan yang kompetitif termasuklah menyediakan infrastruktur tapak tanah perindustrian yang boleh digunakan untuk membina kilang dan tempat perusahaan dengan secepat mungkin. Ianya akan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asasi seperti bekalan elektrik, air dan jalan raya.

Alhamdulillah, setakat ini, kaola tidak mendengar sebarang rungutan atau aduan daripada pihak Pelabur Asing mengenai isu kemudahan tapak tanah bagi perindustrian. Di samping itu, pihak pelabur asing tidak menghadapi sebarang jua masalah untuk memperolehi kemudahan perumahan atau tempat kediaman pada kadar yang sangat kompetitif dan berpatutan di negara ini.

Selain itu, bagi pelabur yang membawa ahli keluarga mereka ke negara ini, mereka telah menikmati alam sekitar yang sangat berkualiti, aman dan selamat serta pelbagai kemudahan yang bertaraf antarabangsa seperti institusi pengajian tinggi dan sekolah antarabangsa yang telah mendapat pujian dan pengiktirafan antarabangsa.

Alhamdulillah, kita telah melihat semakin banyak pelabur asing yang telah melabur dan memulakan perusahaan mereka. Izinkan kaola memberi kenyataan tentang syarikat pelabur asing yang sedang beroperasi di

Negara Brunei Darussalam pada masa ini iaitu *Simpur Pharma, CAE MPTC Brunei Sdn. Bhd., Gold Coin, Brunei Methanol Company Sdn. Bhd., Golden Corporation Sdn Bhd., United Agri-Fishery Sdn Bhd* dan syarikat yang berasaskan penyelidikan dan pembangunan yang sedang beroperasi *Sengenics Sdn Bhd., Pixela Sdn. Bhd., Neptune Bio Innovation Sdn. Bhd., Sesame World Technology Sdn. Bhd.,* dan seterusnya projek Pelaburan Langsung Asing (*FDI*) yang dalam projek pelaksanaan ialah *MC Biotech Sdn. Bhd., HLDS (B) Steel Sdn. Bhd., Sumitomo Corporation Co. Ltd., Hengyi Industrial Sdn Bhd., Brunei Fertilizer Industries Sdn Bhd.*

Seterusnya inisiatif dalam peringkat *Request for Proposal* ialah Pusat Data (*Data Centre*) dan Pengekalan Perbekalan Marin Bersepadu (*Integrated Marine Supply Base*).

Di samping itu, dengan kewujudannya *Business Support Centre (BSC)* di bawah *Darussalam Enterprise, Business Support Centre (BSC)* ini, insya-Allah akan dapat menampung dan mendukung syarikat-syarikat pelabur langsung asing dan seterusnya memudahcara pelaburan dan menjalankan bisnes di Negara Brunei Darussalam.

Kaola mengharapkan bahawa orang ramai akan dapat memberikan peluang bagi *Business Support Centre (BSC)* ini untuk beroperasi dengan sepenuhnya mulai bulan April 2016. Kaola yakin ia akan mendatangkan impak yang

positif dan bermakna bagi penarikan Pelaburan Langsung Asing (*FDI*) dan memudahcarakan bisnes di negara.

Kaola seterusnya beralih kepada *Darussalam Enterprise (DARE)* yang baru jua ditubuhkan dan kaola menyeru semua pihak termasuk Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik untuk memberikan sokongan penuh kepada organisasi berkenaan. Kerja-kerja penelitian dan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (*MSME's*) secara holistik baru sahaja dilaksanakan.

*DARE* setentunya akan berusaha sepenuhnya untuk menyediakan alam sekitar yang probisnes dan kondusif serta membangunkan *MSME's* tempatan untuk menembusi pasaran luar. Insya-Allah, hasrat ini akan dicapai dan kaola mengharapkan orang ramai akan memberikan masa bagi *DARE* untuk membuat perubahan pengurusan (*change management*) dalaman dan bekerjasama dengan pihak yang berkenaan supaya organisasi ini akan dapat mencapai objektifnya. Yang penting adalah maklum balas yang konstruktif daripada orang ramai termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri.

Kesemua Ahli Lembaga *DARE* berazam untuk membuat perubahan yang memberi impak dalam sektor bisnes di Negara Brunei Darussalam. Mereka sendiri telah memulakan kerja turun padang untuk melibatkan usahawan-usahawan tempatan. Insya-Allah, inisiatif ini akan dilaratkan ke semua daerah untuk melibatkan orang ramai

seperti mana sebelum ini telah disarankan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat.

*Darussalam Enterprise* perlu dilihat, bukan saja dari segi keindahan nama sahaja, tetapi sebagai sebuah organisasi yang akan dapat menggerakkan dan memperkasakan sektor bisnes. Dengan ini, kaola ingin mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih ke atas cadangan-cadangan dan saranan-saranan Ahli-ahli Yang Berhormat, yang bertitik tolak daripada baik sangka, semasa sesi Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini.

Kaola seterusnya juga ingin menyatakan bahawa usaha di bawah *Ease of Doing Business* juga dipertingkatkan lagi seperti mana yang di Dewan yang mulia ini sedia maklum, inisiatif ini sangat-sangat diambil berat oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Dengan itu, setiap langkah reformasi yang diambil di bawah inisiatif ini telah dikaji dan ditekankan dan kaola mengharapkan bahawa ia akan dapat disambut dengan baik. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan akan sentiasa mengalu-alukan maklum balas dan cadangan yang munasabah daripada orang ramai.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Isu yang dibangkitkan bagi Sektor Tenaga, Perindustrian dan Teknologi Maklumat sedang dan akan diteliti semula. Isu berkenaan akan dipamerkan laman web Jabatan Tenaga dan Perindustrian ([www.ei.gov.bn](http://www.ei.gov.bn)). Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik bolehlah mengikuti perkembangan isu ini melalui laman web tersebut.

Dalam pada itu juga, kaola ingin menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat untuk berkerjasama dengan pihak kerajaan termasuk dalam sesi muzakarah mengenai inisiatif jabatan termasuk dalam peningkatan dan perkembangan usahawan negara. Apa jua sumbangan dan pengalaman yang dapat dikongsikan sangat-sangat dihargai.

Sebelum kaola mengundurkan diri, marilah kita bersama-sama memartabatkan Majlis Mesyuarat Negara ini sebagai sebuah Majlis yang mulia, bersifat bermuzakarah dan menjurus kepada isu yang strategik dan holistik seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini.

Alangkah baiknya sekiranya perbahasan di Dewan yang mulia ini diadakan secara konstruktif dan setentunya tidak hanya berpandukan sentimen sahaja. Jika kita bersandarkan kepada sentimen sahaja, sudah setentunya akan

menggugat keharmonian negara yang tercinta ini.

Mudahan-mudahan inisiatif berterusan memartabatkan Majlis Mesyuarat Negara ini akan dapat dipraktikkan di Majlis Mesyuarat Negara yang akan datang. Marilah kita sama-sama berdoa agar Negara Brunei Darussalam sentiasa dikurniakan rahmat serta perlindungan dan dalam keadaan aman dan damai di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan sentiasa berpegang teguh kepada prinsip negara Melayu Islam Beraja.

Akhirnya, kaola bersatu dengan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam menyokong Ucapan Penangguhan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan kepada Majlis Mesyuarat Negara yang mulia ini. Dalam kesempatan ini, kaola ingin menyampaikan setinggi tahniah dan penghargaan atas keberkesanan dan keupayaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua memimpin perjalanan permuzakarahannya semasa persidangan ini dilaksanakan di peringkat Majlis Mesyuarat Negara ataupun di peringkat Jawatankuasa dengan sebaik-baiknya. Kaola juga ingin menzahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Dimuliakan Jurutulis, Timbalan Jurutulis serta pegawai dan

kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat yang bersama-sama menjayakan Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini.

Sekian Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Ucapan Penangguhan seterusnya akan disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Wassalamuala Maniit Taba'al Huda. Alhamdulillah Rabbil'alameen Wabihi nas ta'inu 'ala uridun ya Wad'din Wassalatu Wasaalamu 'Ala Asyrafil Anbiae Walmursaleen, Saidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola sukacita mengucapkan terima kasih kepada yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kesempatan yang diberikan kepada kaola menyertai rakan-rakan Yang Berhormat dalam Dewan ini dari kedua-dua belah yang susunan duduk di hadapan Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk menyokong Usul Ucapan Penangguhan daripada rakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Alhamdulillah Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Permesyuaratan kita telah sampai ke hujungnya, tiada aral gundahnya melainkan semuanya lancar dan sempurna. Sesungguhnya lancar dan sempurnanya itu berkat persefahaman kita sekalian terutama sekali atas kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua sendiri memimpin permesyuaratan ini.

Maka kaola dengan ikhlas merekodkan setinggi-tinggi penghargaan dengan iringan doa terhadap Allah Subhanahu Wata'ala semoga Yang Berhormat Yang Di-Pertua sentiasa dalam inayah dan hidayah Allah Subhanahu Wata'ala, dilimpahi rahmat, sihat dan sejahtera bersama keluarga. Begitu juga Ahli-ahli Berhormat Yang Dilantik serta Ahli-ahli Yang Berhormat rakan-rakan sejawatan kaola.

Tidak kurang berperanan ialah pegawai-pegawai utama Majlis ini Yang Dimuliakan Jurutulis, Timbalan Jurutulis dengan disertai oleh semua peringkat pegawai yang ramah lagi santun. Kepada mereka ini juga setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kaola ucapkan semoga Allah Subhanahu Wata'ala mencerikan sekalian mereka itu setelah mereka berjasa mencerikan suasana permesyuaratan kita pada musim ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola memohon izin untuk merespons saranan Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal supaya ditimbang lagi peruntukan untuk

membina masjid dalam perbelanjaan Perbekalan Tahun 2016/2017 ini dan saranan membaca Surah Al-Wa'qiah pada setiap malam.

Mengenai masjid itu memanglah ideal jika ada peruntukan membanguan sebuah atau dua dalam Tahun Peruntukan Belanjawan Tahun 2016/2017. Namun Kementerian Hal Ehwal Ugama menerima hakikat ketiadaan peruntukan mengenainya maka kementerian tentu sahaja akan berikhtiar mendapatkan peruntukan, hatta dari sumber lain misalannya wang kutipan Tabung Dana Pembinaan Masjid dan yang seumpamanya.

Seperti dana dari Majlis Ugama Islam Brunei mengharapkannya dan kerajaan memanglah dari segi hukum syarak. Kerajaan yang dipimpin oleh raja Islam tidak terlepas kewajibannya daripada membina masjid terutama sekali dalam rangka syiar Islam.

Adapun Tabung Dana Pembinaan Masjid diwujudkan dengan hasrat membawa orang ramai bersama-sama ampit (berkongsi) untuk menanam saham akhirat. Ini bukanlah bertujuan melepaskan tanggungjawab kerajaan. Sebagaimana kaola nyatakan tadi, kementerian menerima hakikat realiti kesuntukan peruntukan yang diharapkan juga berikhtiar untuk memikirkan mana-mana pilihan yang bersesuaian.

Sementara mengenai saranan mengamalkan Surah Al-Wa'qiah setiap malam sesuai dengan saranan

Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam iaitu bagi melepaskan ataupun mengurangkan tekanan kesempitan hidup al-faqah bukan semestinya fakir. Ia sesuai dibaca setiap malam sebagai amalan. Kaola menyambut baik saranan ini dan kaola berharap saranan Yang Berhormat juga akan disambut baik oleh orang ramai sebagai amalan bersama-sama.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Permesyuaratan kita ini telah mendapat liputan luas dalam media termasuk media sosial. Ertinya orang ramai memberi perhatian sambil menaruh harapan. Apakah mereka puas atautah mereka kecewa?. Tentu sahaja perkara yang *relative*, nisbi, sukar untuk dinilai sejauh mana ketepatannya.

Namun demikian satu hakikat yang jelas ialah kita telah bermesyuarat sesuai dengan fungsi Dewan ini. Antara ketetapan yang penting yang telah diluluskan ialah belanjawan untuk Tahun Kewangan 2016/2017. Kita mendapati perkara belanjawan itu bukan sahaja telah dibahaskan dalam Dewan ini oleh Yang Berhormat secara permesyuaratan yang formal bahkan juga oleh orang ramai yang berminat secara percakapan di mana-mana.

Kaola melihat hal itu wajar sebagai reaksi terhadap ehwal semasa yang berlegar pada musimnya iaitu musim permesyuaratan Dewan ini. Kita terimalah ia sebagai tanda sihat iaitu suatu proses dalam peranan orang ramai turut membentuk pemikiran umum yang positif terhadap isu semasa

dalam negeri mereka dan isu semasa pada musim ini ialah belanjawan yang berjimat lagi berhemah. Tentu mereka perlu memahaminya dalam prespektifnya yang sebenar.

Dalam hubungan ini, pembentangan mukadimah Perbelanjaan Kementerian Hal Ehwal Ugama tempoh hari, kaola telah membentangkan secara ringkas sudut pandang agama dalam melihat kekurangan hasil kerajaan.

Kaola mohon izin untuk sekali lagi menegaskan bahawa kekurangan hasil kerajaan berkaitan harga minyak yang jauh menurun dari harga anggaran dalam merumuskan sokongan belanjawan tempoh hari adalah suatu ujian pada menentukan sikap dan tindakan yang wajar pihak kerajaan.

Maka sikap dan tindakan berjimat dan berhemah yang telah diambil wajar dan sesuai dengan ajaran Allah seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal dengan memetik kisah Nabi Yusuf Alaihissalam sebelum dilantik menjadi nabi. Baginda telah menasihatkan dengan mentakbirkan mimpi Raja Mesir berhubung dengan keadaan yang dihadapi oleh Mesir pada masa itu.

Kita wajar pula menaruh keyakinan itu ditambah lagi dengan beberapa inisiatif ekonomi dan kewangan yang telah diambil dan akan diambil oleh kerajaan. Maka semuanya itu adalah ikhtiar yang apabila terlaksana dengan jaya nanti bukan sahaja membawa



impak ekonomi dan kewangan khasnya pada menambahkan hasil dari sumber lain dari sumber minyak namun dalam jangka panjang dengan perkiraan harga minyak juga akan meningkat ke paras yang dianggarkan untuk belanjawan yang seimbang.

Maka kita tidaklah akan sampai 'terpunduk' (jatuh) dan menjadi negara yang lemah dan seterusnya negara yang gagal seperti yang diramalkan oleh sesetengah orang.

Kita wajar menaruh keyakinan. Apa yang dilakukan oleh kerajaan sedemikian itu kerana sikap dan tindakan wajar yang diambil oleh kerajaan tentu tidak semata-mata dengan berdasarkan angka dan indikator lainnya kerana kita di Brunei dengan kepimpinan Raja yang kuat berpegang pada agama dan teguh yakin kepada pertolongan Allah. Kita akan melihat juga kepada kuasa dan kehendak Allah yang berhikmah.

Kaola seterusnya ingin menegaskan bahawa kita menaruh keyakinan berdasarkan pengalaman sejarah bangsa dan negara bahawa pasti ada lagi rahmat pertolongan Allah selama mana kita mengurus pemerintahan dengan tetap berlandaskan dasar untuk menolong menjayakan kebaikan yang dikehendaki dan diredai oleh Allah dan melaksanakannya menurut hukum atau selaras dengan hukum Allah.

Pasti akan ada lagi berkat Allah selama mana kita memberikan khidmat bakti kepada rakyat dengan ikhlas semata-mata pada mendatangkan kebajikan

yang dikehendaki dan diredai oleh Allah. Semua ini Yang Berhormat Yang Di-Pertua lengkap dirangkum dengan janji Allah Subhanahu Wata'ala.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن تَنصُرُوا اللَّهَ يَنصُرْكُمْ وَيُثَبِّتْ أَقْدَامَكُمْ

Wahai orang-orang yang beriman, kalau kamu membela (agama) Allah nescaya Allah membela kamu (untuk mencapai kemenangan) dan meneguhkan pendirian kamu.

Itu makna *literallynya*. Surah Muhammad Ayat 7.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Alhamdulillah kita dalam Dewan ini sedang menjalankan tanggungjawab kenegaraan mendukung pemerintahan yang berlandaskan dasar untuk menjayakan tujuan kebaikan yang dikehendaki dan diredai oleh Allah itu.

Sebagaimana terbukti dengan inisiatif yang sedang dirancang atau telah pun dijalankan, rakyat sekaliannya hendaklah terus-menerus memberikan keyakinan kepada kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kaola bersyukur seperti juga sekalian kita di sini pada hemat kaola Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kita adalah generasi atau setidaknya-tidaknya pun zuriat generasi dari negara ini yang

masih kuat ingatannya kepada *survival Brunei* sejak 700 tahun sejarah berpemerintahan berajanya. Kita masih ingat kita merupakan generasi yang mengingat bahawa *survival Brunei* itu adalah dengan berkat dan rahmat Allah kepada raja dan rakyatnya, kepada bumi dan segenap isi di dalamnya.

Kaola secara peribadi masih terngiang-ngiang lagi akan kata-kata datu, nini yang sempat kaola dengar tentang suka duka mereka bernegerikan Brunei, dan berajakan Raja Brunei. Mereka tidak putus-putus menyebut rahmat dan berkat Allah sambil juga menekankan daulat raja kerana adil dan kebajikan pemerintahannya telah menyebabkan Brunei ditanai oleh malaikat dan selamat daripada tejelumpuk (tersungkur). Perkataan yang digunakan oleh orang tua-tua. Semasa kanak-kanak ekspresi yang seperti ini kaola mendengarnya seperti dongeng, namun cerita dongeng. Namun cerita dongengkah ataupun pun secara tidak disedari ia menyelinap ke dalam diri kaola. Kemudian setelah di saring-saring pula dengan pendidikan yang kaola terima yang berlatarkan agama dan pengalaman dan berkhidmat dalam kerajaan sampai sekarang, kaola mendapati bahawa apa yang disebut berkat dan rahmat itu janji Allah Subhanahu Wata'ala dalam firman-Nya yang kaola sebutkan tadi dan ayat-ayat lain dalam konteks pertolongan Allah kepada hamba-hambanya yang beriman dan taqwa. "Sesungguhnya kita yakinlah bahawa Allah tidak memungkirkan janjinya. Sebagaimana yang disebutkan dalam

surah Al-Imran, ayat 9. Ini bukanlah suatu dongeng. Ia kenyataan sejarah tentang jatuh bangun Brunei Darussalam dari sebuah empayar kepada sebuah *state*, dari sebuah *state* kepada apa yang disebut *mini state*. Kaola tidak gemar untuk menyebut brunei ini sebagai *mini state*. Apa lagi menerimanya tetapi itulah sebutan orang. *We are nation, a sovereign nation*.

Ringkasnya, kaola dengan rendah hati bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala ingin mengongsikan sebahagian daripada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Titah baginda di hadapan Dewan Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai Titah Penerimaan Rasmi Negara Brunei Darussalam menjadi anggota ke-159 (PPB) iaitu 21 September 1984 di New York. Titah yang baginda kurniakan dalam Perhimpunan Agung PPB, 33 tahun yang lalu itu.

Kaola yakin dengan mengukuhkan lagi pembentangan kaola bahawa Negara Brunei Darussalam ini kekal wujud sampai sekarang sebagai negara moden dan kita bangsanya yang dinamik ini adalah berkat dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala dengan limpahan rezeki kepada rakyatnya yang taat beraja dan dengan raja serta

Pemerintahan baginda yang sentiasa menjalankan dasar.

Melaksanakan Perintah Allah dalam melaksanakan tujuan kebajikan yang dikehendaki dan diredai oleh Allah termasuklah berusaha dengan ikhtiar serta inisiatif yang akan mengekalkan kesejahteraan rakyat, mengekalkan kesinambungan hasrat murni sebagai kesinambungan kepada pendiri Arkitek Brunei Moden iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam.

Kaola memohon memetik beberapa paragraph yang kaola kira relevan untuk Majlis ini. Titah baginda *"In Short Our country has known peace – but also war: wealth, but also poverty energetic commerce, but also isolation development but also exploitation: self-government, but also foreign rule all this has not been without benefit to us. It is thought us to appreciate the realities of the world.*

*We are determine to continue to modernize our country while keeping faith is the principles of our ancient faith – Islam.*

*We are confident of the possibilities of success, because we have before us the example of my father, His Royal Highness The Seri Begawan Sultan General Sir Omar 'Ali Saifuddien the 28<sup>th</sup> Sultan of Brunei Darussalam and The Architect of Modern Brunei. He began the modern development of Brunei. Its successful commercial relations, its new*

*building, its educational, religious and social welfare and insituation. He held to the gold of national independence despite pressure to make other choices. He said before us the challenges of reinvesting of our well to clear other resources of well and for the well-being for our people".*

Demikian yang dapat kaola petik, dan kaola harap barangkali kaola menyebutnya tidak jelas. Sesiapa yang ingin merujuk lebih lanjut bolehlah merujuk buku kecil yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan juga Pusat Dakwah Islamiah yang bertajuk "Illahi Selamatkan Brunei Darussalam".

Maksud kaola bercakap lain daripada perbincangan ialah kaola ingin menegaskan bahawa antara perkara cabaran yang kita terima pada masa ini ialah cabaran untuk mengukuhkan keyakinan diri kita terhadap institusi kenegaraan kitani. Jadi dalam hal ini insya-Allah Kementerian Hal Ehwal Ugama antara strategik dalam pengukuhan keyakinan itu akan memilih pendekatan agama sebagai bidang tugasnya yang antaranya sekurang-kurangnya dalam masa 4 tahun atau 5 tahun, insya Allah dengan izin Allah.

Kaola sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dan rakan-rakan sejawatan. Kaola juga memohon maaf sambil mengucapkan terima kasih atas kerjasama yang diberikan selama kaola bertugas di sini. Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah.

Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

**Yang Dimulihkan Jurutulis:** Ucapan Penangguhan seterusnya yang akan disampaikan oleh Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ternampak seorang Ahli Yang Berhormat mengangkat tangan yang nampaknya akan membuat Ucapan Penangguhannya barangkali. Saya persilakan sekarang sebelum saya persilakan orang lain. Yang Berhormat Dato Paduka Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, silakan.

**Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:** Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat rakan-rakan sejawatan dan Ahli-ahli Yang Berhormat.  
بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kepimpinan dan kebijaksanaan Yang Berhormat mempengerusikan Majlis Mesyuarat Negara Kali Kedua Belas bagi tahun 2016. Sebagai ahli baharu Majlis Mesyuarat Negara ini, kaola melihat bahawa permesyuaratan ini atas kepimpinan dan kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua jua telah berjalan dengan penuh tersusun dan teratur dan dalam keadaan dan suasana

yang harmoni penuh keselesaan dan produktif serta memfokus kepada membincangkan perkara strategik demi kepentingan, kemajuan dan pertumbuhan negara.

Seterusnya, kaola juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada rakan-rakan sejawatan dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik atas segala nasihat, tunjuk ajar dan juga sokongan yang diberikan kepada kaola selaku ahli baharu Majlis Mesyuarat Negara ini selama kita bermesyuarat dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara ini. Pandangan yang diajukan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tidak dapat dinafikan sangat penting dan membina untuk pihak abiskaola bawa dan fikirkan. Insya-Allah, segala kelemahan yang ada akan pihak abiskaola perbaiki demi kemajuan negara jua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam Ucapan Penangguhan ini, kaola hanya sekadar ingin mengajak semua ahli Dewan termasuk juga rakyat dan penduduk negara ini, pihak swasta, pengusaha kecil dan sederhana dan dewan pertubuhan perniagaan dan perusahaan untuk kita sama-sama sentiasa mengingati akan intipati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Istiadat

Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 bersamaan 5 Mac 2016 yang lalu.

Seperti mana yang kaola sampaikan pada hari Isnin, 27 Jamadilawal 1437 bersamaan 7 Mac 2016 yang lalu iaitu semasa kaola menyembahkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, atas pengurniaan titah baginda itu. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat-sangatlah mengharapkan agar kita akan berpandangan lebih jauh ke hadapan bagi sama-sama membawa kemajuan dan pertumbuhan ekonomi KDNK negara ini.

Dalam keadaan ekonomi kita yang lembab beberapa tahun kebelakangan ini, ditambah pula dengan kejatuhan harga minyak dunia, negara kita ini sebenarnya mengharapkan penambahan besar dalam keluaran dari industri dan perusahaan di luar minyak dan gas supaya ini akan secara langsung menyumbang kepada pertumbuhan KDNK dan peluang pekerjaan.

Jika merujuk perangkaan JPKE, 89.5 peratus KDNK bersumber dari keluaran sektor swasta termasuk *GLCs*. Oleh itu, kita merayu dan sangat-sangat berharap antaranya untuk melihat pengusaha kita terutama yang sudah *established* supaya lebih progresif, berwawasan dan sentiasa mahu tumbuh serta menyerapkan teknologi terkini iaitu sebanding dengan amalan-amalan syarikat terkemuka di dunia supaya lebih bersiap siaga menghadapi cabaran persaingan dan risiko dan seterusnya bersiap siaga untuk berpindah dari pengusaha yang *risk-averse* kepada pengusaha yang *risk-taker* supaya lebih bersiap siaga untuk keluar dari zon keselesaan dan berani berkembang ke luar negara, bukan pengusaha yang sentiasa beralasan bahawasanya saiz ekonomi yang kecil sebagai penghalang pertumbuhan perniagaan dan supaya lebih bersedia menyerapkan *talent* atau bakat tinggi dalam syarikat, bersedia mengamalkan urus tadbir terbaik, bersedia serta layak untuk menerima suntikan pelaburan yang signifikan daripada dana *bench capital*. Malah selanjutnya bersedia untuk layak tersenarai di bursa saham terkemuka di dalam ataupun di luar negara.

Pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan akan sedaya upaya membuka peluang kepada pengusaha tempatan untuk terlibat dalam aktiviti industri sumber-sumber utama terutamanya bersandarkan sasaran yang telah kaola nyatakan dalam mukadimah kaola tempoh hari.

Walau bagaimanapun, memandangkan kita perlu bergerak cepat bagi mempercepat pertumbuhan KDNK, pertumbuhan eksport dan bagi menjana lebih banyak peluang pekerjaan, kita akan menawarkan peluang pelaburan ini juga kepada pihak *GLCs* dan juga kepada pihak-pihak *FDI*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Izinkan kaola menjawab beberapa persoalan dan saranan yang telah diajukan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik semalam iaitu terutamanya yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Haji Ahmad, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf dan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Lahit. Soalan-soalan yang diajukan berkisar berkenaan dengan aktiviti pelancongan dan aktiviti perikanan.

Saranan yang pertama iaitu berkenaan dengan memajukan beberapa kawasan di Daerah Belait dan Daerah Tutong sebagai destinasi pelancongan atau mempamerkan kebudayaan dan kesenian tempatan serta daya kreatif mereka kepada pengunjung-pengunjung supaya menjadi sumber pendapatan dan sumber pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Seperti yang dinyatakan pada minggu lalu, strategi utama kementerian pada masa ini ialah:-

1. Bagi mengukuhkan produk utama seperti destinasi Bandar Seri Begawan di sekitar Kampung Air dan

sekitar kawasan Batang Duri dan Ulu Temburong. Tempat-tempat ini memang sudah menjadi kunjungan pelancong ketika ini. Akan tetapi standard produk ini perlu diberikan perhatian supaya benar-benar berkualiti, bersih, selamat dan menarik sehingga pelancong yang datang ke tempat-tempat ini berfikir untuk datang semula atau mengkhabarkan keunikannya kepada pelancong lain dari negara asal mereka;

2. Untuk memberikan perhatian kepada produk-produk yang *emerging* seperti pantai, tasik, taman-taman dan hutan simpanan yang memang dibukakan kepada orang ramai; dan
3. Mengembangkan pelancongan yang bercorak kegiatan seperti *diving*, *boat watching*, *MICE Education* *Islamic Tourism* termasuk juga aktiviti *homestays*. Seperti yang kaola sudah jawab tempoh hari, kementerian memang telah banyak menerima cadangan dari dalam kementerian dan dari luar kementerian bagi memajukan berbagai-bagai kawasan di seluruh negara untuk dijadikan destinasi pelancongan contohnya Kampung Labi dan Rampayoh, Luagan Lalak, Kampung Kuala Balai, Pantai Lumut, Anduki di Daerah Belait, Tasek Merimbun, Kampung Kiudang, Bukit Ambuk, Pantai Seri Kenangan, Sungai Basong di Daerah Tutong dan lain-lain.

Senarai lebih banyak di Daerah Brunei Muara seperti Kampung Kapok, Taman Tasek Sarubing, Pantai Bukit Tempayan Pisang, Taman Agri Kampung Katimahar, Taman Herba Kampung Putat dan malah juga di Daerah Temburong seperti Kampung Belais, Buda-Buda dan Bukit Patoi.

Cadangan-cadangan ini semuanya baik belaka. Walau bagaimanapun, cadangan yang diberikan keutamaan bergantung pada pelbagai faktor, termasuk keupayaan Jabatan Kemajuan Pelancongan dan pegawai-pegawainya yang terhad.

Ini juga bergantung pada *Commercial Viability*, tempat berkenaan menjadi tempat pelancongan terutama jika kita kaedahkan penggunaan *PPP* seperti mana juga yang kaola nyatakan minggu lepas dan yang dinyatakan ataupun yang disarankan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad semalam.

Tempat-tempat yang paling menjanjikan keuntungan komersial kepada pengendalinya nanti jika kaedah *PPP* hendak digunakan. Inilah yang sedang dibuat oleh kementerian ketika ini sebagai projek rintis. Kementerian telah pun mengeluarkan tender bagi pihak swasta mengurus, mengendali dan memelihara Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas pada bulan Januari yang lalu. Tarikh tutup bagi menerima cadangan pihak swasta adalah dalam bulan Mei ini.

Kementerian bercadang untuk melantik pengurus ini pada bulan Jun dan menjangkakan pihak swasta mula menguruskan taman ini mulai bulan Ogos 2016 ini. Insya-Allah modaliti *PPP* ini bagi Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas ini jika berjaya akan dilartakan dan dikongsikan oleh agensi lain untuk memajukan beberapa lokasi di semua daerah sebagai destinasi pelancongan sama ada kunjungan dari luar atau pun dari dalam negara.

Kementerian telah pun menerima berbagai-bagai pertanyaan dari beberapa jabatan dari pelbagai kementerian berkenaan dengan modaliti ini. Dengan beberapa pengubahsuaian modaliti ini ia boleh dijadikan sebagai asas bagi *outsourcing* pengurusan, pengendalian dan pemeliharaan beberapa lokasi pelancongan yang berpotensi dan juga beberapa kemudahan awam yang lain di seluruh negara.

Dengan menggunakan kaedah *outsourcing* dan *PPP* ini diharap ia bukan sahaja akan dapat mengurangkan perbelanjaan kerajaan malah memberikan peluang pelaburan dan perniagaan bagi sektor swasta di negara ini. Ia juga diharap akan membuka peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Soalan kedua iaitu berkenaan dengan menggunakan program bagi melatih anak-anak tempatan yang menganggur dan lain-lainnya, supaya mereka mendapat berbagai-bagai kemahiran, dan akan dapat menggunakan

kemahiran ini untuk memohon sebarang pekerjaan. Beliau ini boleh juga diajarkan atau diberi pelbagai peluang untuk memulakan perniagaan sama ada perniagaan kecil ataupun perniagaan besar seperti mengendalikan kapal besar untuk menceburkan diri dalam industri perikanan laut dalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bagi menjawab soalan berkenaan mengadakan latihan bagi beliau yang menganggur untuk mendapatkan berbagai-bagai kemahiran, kerajaan seperti yang dimaklumi menyediakan pelbagai kemudahan misalnya Pusat Pembangunan Beliau di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Sekolah Vokasional Wasan di bawah Kementerian Pendidikan dan skim di bawah *DPTB* kendalian Jabatan Kemajuan Perancangan dan Ekonomi untuk menyalurkan penuntut yang tidak dapat menyambung ke Pusat Tingkatan Enam memasuki sekolah-sekolah teknikal swasta.

Sekolah Vokasional Wasan lebih kepada pendidikan pertanian, agrimakanan dan perikanan. Jabatan Pertanian dan Agrimakanan memang terlibat dalam mengendalikan kursus yang dikendalikan di sekolah berkenaan. Pada masa yang sama kementerian juga memberikan peluang pada para penuntut untuk menjalani program penempatan di jabatan-jabatan di bawah kementerian ini dan juga dengan industri yang berkaitan. Kursus ini sebagai persediaan kepada para penuntut untuk berkecimpung dalam industri pertanian, agrimakanan dan

perikanan, setelah selesai mengikuti kursus tersebut.

Seperti yang juga kaola telah nyatakan kepada Yang Berhormat minggu lepas, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Jabatan Perikanan telah membuat berbagai-bagai simulasi kewangan bagi pelbagai aktiviti pertanian, penternakan dan perikanan bagi mengenal pasti berapakah modal permulaan bagi memandu sesiapa sahaja yang memulakan perniagaan dalam sektor ini. Simulasi juga dibuat berkenaan kos operasi tahunan dan saiz optimum operasi bagi memastikan keuntungan dan kedayatahanan, aktiviti dukungan yang boleh dilartkan kepada harga pasaran produk dan lain-lain.

Seperti lazimnya jabatan juga memberi khidmat nasihat berkenaan dengan baja tanaman, racun musuh tanaman dan benih hasil tinggi bagi aktiviti pertanian.

Jabatan Perikanan pula memberi khidmat nasihat berkenaan pembekalan anak-anak ikan dan udang, makanan ikan, pembinaan sangkar dan kolam, cara kaedah ternakan yang terbaik termasuk penyerapan *good aquaculture practices* bagi memastikan ternakan sentiasa sihat, mengurangkan kadar kematian dan lain-lain.

Contohnya dalam perikanan, pengusaha baharu dan lama juga akan didedahkan kepada beberapa pilihan yang ada jika hendak berkecimpung dalam industri perikanan. Sama ada melalui penggunaan sangkar, kolam ataupun menggunakan kapal-kapal penangkap



ikan. Umumnya kementerian menggalakkan penggunaan sangkar atau kolam, kerana kos yang lebih berkesan dan hasil yang lebih terjamin dan tidak bergantung pada keadaan cuaca seperti musim tengkujuh yang menyebabkan kapal tidak dapat ke laut untuk menangkap ikan.

Dari itu, pengusaha juga didedahkan dengan perkiraan bagi memulakan perniagaan, dukungan seperti pemeliharaan anak-anak ikan dan udang, pengeluaran dan pembekalan makanan ikan dan udang. Perkhidmatan logistik yang termasuk perkhidmatan pembungkusan, penyejukan hasil tangkapan dan pemprosesan sebelum dijual untuk dieksport ke luar negara.

Sebagai kesimpulan, objektif kementerian ini bukan sahaja untuk pengurangan pergantungan pada import bagi bekalan ikan dan termasuk juga produk pertanian di negara ini, tetapi juga untuk menggalakkan pengeluaran yang lebih daripada keperluan dalam negara. Malah sebahagian besarnya dapat dieksport ke luar negara iaitu bagi mempercepatkan pertumbuhan KDNK dan membuka peluang perniagaan dan pekerjaan kepada orang-orang tempatan.

Untuk tujuan itu, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Jabatan Perikanan akan sentiasa memberikan khidmat nasihat yang berkaitan dengan pengusaha atau bakal pengusaha yang

ingin berkecimpung dalam industri Pertanian dan Agrimakanan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekianlah sahaja yang dapat kaola sampaikan sebagai Ucapan Penangguhan dan juga menjawab soalan dan saranan yang diajukan semalam.

Kaola mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas peluang yang diberikan. Dalam kesempatan ini kaola juga mengucapkan syabas kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Timbalan Jurutulis kerana telah berjaya mentadbir mesyuarat kita pada tahun ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Ucapan Penangguhan sebagai menggulung ucapan-ucapan yang lainnya akan disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal**

**Dalam Negeri:** بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ  
Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola sukacita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberi izin bagi kaola berdiri sekali lagi dalam membincangkan Tajuk Ucapan Penangguhan ini.

Kaola tidak berhasrat untuk menggulung Ucapan-Ucapan Penangguhan ini, tetapi ingin merespons Ucapan Penangguhan oleh Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin yang telah disampaikan pada sesi semalam yang menyentuh mengenai jawapan surat Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan kepada pemohon yang telah lulus peperiksaan untuk mendapatkan Taraf Kerakyatan selaku rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam secara Pendaftaran di bawah Bab V (i) dari Akta Kebangsaan Brunei Penggal 15 (*Chapter 15*).

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin juga menyatakan bahawa seperti yang direkodkan dalam Laporan Penuh (*Hansard*) bahawa "Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dulu dan menteri sekarang menyatakan bahawa "*passing examination does not guarantee your citizenship.*"

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, apa yang telah Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin nyatakan itu mengenai '*passing examination does not guarantee your citizenship*' kurang tepat. Tidak sedemikian penjelasan kaola seperti yang direkodkan dalam Laporan Penuh (*Hansard*) bertarikh 10 Mac 2016. Kaola merasa kesal kerana Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin tidak merujuk Laporan Penuh

(*Hansard*) tetapi memetik apa yang dilaporkan dalam media massa.

Oleh yang demikian, kaola ingin memberi semula penjelasan bahawa dalam Peruntukan Bab 5 - Akta Kebangsaan Brunei Penggal 15, terdapat beberapa syarat yang mesti dipenuhi. Salah satu syaratnya ialah pemohon dikehendaki lulus ujian Bahasa Melayu seperti yang ditetapkan dalam undang-undang berkenaan. Dalam hal ini, bererti setiap pemohon dimestikan memenuhi semua syarat peruntukan perundangan yang ada yang disebutkan dalam Akta berkenaan. Inilah yang dimaksudkan dengan proses-proses yang perlu dilalui seperti yang terkandung dalam undang-undang berkenaan.

Perkara yang kedua, berkenaan dengan Bab 11 (3) - Akta Kebangsaan Brunei Penggal 15 yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin. Kaola ingin menjelaskan bahawa Bab tersebut berkaitan dengan Perlucutan Taraf Kerakyatan dan ia tidak ada kaitangan dengan proses bagi permohonan Taraf Kerakyatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sekian sahaja yang dapat kaola jelaskan Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Silakan.

**Yang Berhormat Menteri  
Pembangunan:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola ingin merakamkan penghargaan dan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang telah mempengerusikan dan memimpin Majlis Mesyuarat Negara ini dengan begitu berwibawa dan bijaksana dengan sokongan padu daripada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Timbalan Jurutulis yang sangat berkesan sehingga segala-galanya telah berjalan dengan lancar.

Dalam kesempatan ini juga, kaola ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik atas soalan-soalan dan saranan yang telah dikemukakan yang begitu membina dalam mesyuarat ini. Kaola cuma ingin merespons kepada beberapa soalan kelmarin yang menyentuh bidang kuasa kementerian kaola. Izin kaola Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

Soalan yang pertama daripada Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, menyentuh mengenai isu *land ownership rule for foreign investors*. Kaola rasa tidak perlu dijawab kerana telah dijawab dengan terperinci oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri.

Terus sahaja kaola beralih kepada soalan daripada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, bukan soalan sebenarnya ialah seruan supaya pihak berkenaan untuk meningkatkan strategi dalam mengatasi kelambatan proses pemohonan orang ramai.

Sebagai menjawabnya, pihak berkenaan di bawah Kementerian Pembangunan termasuk Jabatan Tanah, setakat ini telah pun melaksanakan beberapa langkah untuk memperbaiki proses atau prosedur di peringkat jabatan dan berhasrat untuk meneruskan usaha sedemikian sebagaimana yang diperlukan. Sebagai misal, baru-baru ini pada bulan Februari, sistem *LARIS (Land Application and Registration Information System)* telah dilancarkan yang tujuannya untuk mengemaskinikan semua jenis pemohonan yang berkaitan dengan isu tanah. Sistem ini dijangka akan dapat membantu memendekkan tempoh masa semua permohonan yang tiada bermasalah.

Soalan seterusnya daripada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman. Kenyataan sebenarnya mengenai isu *power of attorney* yang dengan adanya penjelasan yang diberikan mengenai *power of attorney and trusted* ini pelabur-pelabur tidak perlu lagi runsing mengenai mencari rumah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam negara sedang menekankan strategi

mempelbagaikan ekonomi dalam menarik pelabur asing ke negara kita, saya rasa penting dan menjadi tanggungjawab kita untuk memperbetulkan mana-mana perspektif atau persepsi yang kurang tepat.

Mengenai isu tempat tinggal bagi eksekutif luar negara yang ingin melabur di negara ini, kita berkeyakinan bahawa isu ini tidaklah menjadi penghalang, kerana penyediaan kemudahan sedemikian banyak ditawarkan oleh pihak swasta termasuk kediaman yang bermutu tinggi yang boleh didapatkan dengan harga yang begitu kompetitif. Dari pengalaman dalam kalangan pelabur asing yang sudah mula bertapak di negara kita ini misalnya *Simpur Pharma, CAE, MPTC Brunei Sdn. Bhd., Hengyi Industries Sdn. Bhd.*, dan sebagainya setahu kita *feedback* daripada mereka berhubung hal ini sungguh meyakinkan bahawa mereka tidak menemui sebarang kerumitan sama sekali dan sekali lagi dikongsikan semula bahawa jika ada antara mereka berhasrat memiliki hartanah secara *list world* atau secara *list title*. Cara ini, sudah mula diperbolehkan, tertakluk kepada kelayakan.

Seterusnya soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, berhubung Peruntukan Jalan Raya sebanyak \$89 juta supaya akan dapat memperbanyakkan lagi rangkaian jalan raya, mana-mana kawasan perumahan yang padat seperti Meragang, Tanah Jambu dan Mengkubau yang selalu

*traffic jammed* serta Pusing Keliling Mentiri dan Sungai Akar perlu dinaik taraf dan juga seruan Yang Berhormat untuk menaik taraf sistem bekalan air. Perkara ini sedang dalam pengusahaan pada masa ini dan sudah setentunya akan melalui proses pertimbangan mengikut kemampuan pembiayaan.

Berhubung penaiktarafan bekalan air, projek paip air utama di *coastal road* di jalan pantai sudah pun berjalan dan projek ini adalah projek yang membawa air dari Bukit Barun ke Daerah Brunei dan Muara. Seperti yang sudah kaola terangkan jua semasa perdebatan tempoh hari, dan insya-Allah akan dapat *commission* pada penghujung tahun ini. Dengan demikian masalah air di kawasan Tanah Jambu dan Meragang, insya-Allah akan jauh berkurangan.

Seterusnya soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit iaitu mengenai kolam tadahan banjir tidak dapat menampung jika hujan lebat di kawasan Jalan Ikas Bandung, Kampung Kupang. Peningkatan usaha mengurangkan dan mengatasi masalah banjir di kawasan berkenaan adalah secara berfasa. Peruntukan telah dipohonkan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 (RKN11) bagi meningkatkan sistem saliran di bawah hilir kawasan tadahan termasuk bagi aktiviti penggorekan sungai yang sudah tertentunya tertakluk kepada keutamaan berbanding program dan projek RKN11 yang lain.

Itu sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang dapat kaola jelaskan dan kaola ucapkan berbanyak-banyak terima kasih. Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah mendengar selama 2 hari Ucapan-ucapan Penangguhan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dan juga Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk berucap dalam tempoh yang singkat ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan dengan Ucapan-Ucapan Penangguhan yang telah disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah dibentangkan sejak hari Isnin semalam dan pada pagi ini. Dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua, alhamdulillah kita sekali lagi berpeluang untuk menyaksikan dan turut serta dalam penghujung Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara yang boleh dikira berakhir dengan jayanya.

Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan yang ikhlas atas kerjasama yang diberikan oleh semua Ahli Yang Berhormat sama ada Ahli-ahli Yang Berhormat *Ex-Officio* (Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet)

mahupun Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik kerana dengan memberikan kerjasama sepenuhnya, kita telah dapat menjalankan permesyuaratan kita ini dengan baik, lancar dan yang penting sekali penuh harmoni.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Jurutulis, Timbalan Jurutulis, Bentara Dewan dan pegawai pengapit beliau, maklumlah 10 kilo yang diangkat serta ke semua pegawai di semua peringkat sama ada dari Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat sendiri mahupun pegawai-pegawai dan kakitangan yang dipinjamkan dari beberapa kementerian dan jabatan atas usaha gigih dan komitmen sepenuhnya dalam menyediakan berbagai-bagai keperluan di luar permesyuaratan kita sepanjang permesyuaratan ini.

Kesempurnaan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini juga atas usaha kerjasama yang diberikan oleh semua pihak yang membantu menyediakan keperluan logistik, termasuklah liputan media massa dan pihak kerajaan yang lain iaitu Jabatan Radio Televisyen Brunei dan Jabatan Penerangan serta media cetak dalam negeri yang telah membolehkan orang ramai mendengar, mengikuti dan saya harap mereka ini dapat menghayati perbincangan sepanjang persidangan ini.

Saya ingin mengambil kesempatan ini, secara tulus ikhlas mengucapkan terima kasih atas kerjasama itu. Saya juga ingin menyembahkan sepenuhnya menjunjung kasih Kehadapan

Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda bercemar duli untuk membuka rasmi Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara iaitu pada hari Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 bersamaan 5 Mac 2016 dan seterusnya baginda telah berkenan mengurniakan titah pada majlis tersebut.

Dalam titah baginda itu baginda telah menggariskan hala tuju dasar kerajaan baginda dalam menempuh keadaan ekonomi yang menurun bagi Tahun Kewangan 2016/2017 dan menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat agar dapat memikirkan dalam membantu baginda untuk menangani masalah yang dihadapi pada masa ini. Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dalam Kerajaan baginda juga telah menggariskan beberapa langkah yang akan diambil bagi melaksanakan hasrat baginda tersebut dengan penuh terperinci.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga bertitah semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara

di mana titah Baginda adalah menyentuh tentang peranan Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik supaya dapat menyuarakan lagi saranan-saranan atau buah fikiran mengenai cara mengurangkan kebergantungan negara terhadap sumber minyak dan gas.

Alhamdulillah, dalam menandai hasrat baginda itu, pihak Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik, saya kira telah memberikan pandangan cadangan dan pendapat yang bernilai. Dari cetusan minda tersebut bagi mana-mana pandangan atau cadangan yang sesuai dan berfaedah yang boleh diguna pakai oleh kementerian yang berkaitan dalam usaha merancang dan menjalankan usaha kerajaan bagi menangani penurunan hasil kerajaan ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah dari Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini, kita sekali lagi dengan jayanya membincangkan perkara signifikan, tepat dan berinspirasikan Tema Kewangan 2016 iaitu "Mengukuhkan Iklim Perekonomian Bagi Mendukung Pembangunan Berterusan".

Sesi Majlis Mesyuarat Negara melalui peringkat Jawatankuasa telah pun membincangkan meneliti dan menganalisis Belanjawan Rang Undang-Undang sebelum ia diluluskan untuk menjadi Akta Perbekalan. Dari pemerhatian dan pengamatan saya sendiri apa yang telah dibincangkan sepanjang persidangan pada tahun ini,

termasuklah soalan yang telah dikemukakan, cadangan, saranan serta jawapan dan respons yang diberikan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, insya-Allah akan membawa hasil yang produktif, kondusif dan konklusif.

Dalam suasana perekonomian dunia yang tidak menentu yang negara kita terjejas disebabkan oleh penurunan harga minyak yang dikatakan jatuh merudum dan kesannya amatlah ketara dengan penurunan anggaran hasil dan belanjawan negara bagi tahun ini, sebagaimana yang digambarkan dalam Akta Perbekalan 2016/2017. Maka saya berkesimpulan bahawa:-

1. Kita hendaklah menjauhi sikap *complacent* ataupun dalam *comfort zone*. Kita terus dan haruslah mengambil sikap berbelanja, berhemat dengan cara lebih melihat kepada keperluan dan keutamaan;
2. Janganlah kita lalai dan lemah semangat disebabkan kemerosotan ekonomi ini tetapi anggaplah insiden ini sebagai cubaan dan sepatutnya akan dapat menjadikan sebagai *stepping stone* untuk negara agar kita lebih berfikiran terbuka dan ia dapat mengajar dan melatih kita secara *outside the box* ini termasuklah usaha seperti menerokai peluang-peluang dan juga menceburi bidang-bidang yang membawa kepada perekonomian kita yang belum kita lihat;
3. Kita juga haruslah bersifat optimistik di samping menanamkan pemikiran

realistik. Usaha untuk meningkatkan perekonomian negara bukanlah hanya tertumpu kepada satu pihak sahaja malah ia tanggungjawab kita bersama. Kalau kita bertepuk sebelah tangan maka tidak ada bunyinya yang dapat kita dengar; dan

4. Kita haruslah meningkatkan lagi integriti kita sebagai satu pasukan dan memberi usaha sepenuhnya secara *collectively*. Saya harap perkara itu dapat dipertimbangkan dan difikirkan demi kepentingan negara, rakyat dan kepentingan raja kita yang mengharap hasil yang berkesan dari kita semua.

Dengan ucapan yang ringkas ini maka mengikut Peruntukan 35 (i) dari Peraturan Majlis Mesyuarat Negara, maka dengan ini saya tangguhkan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara ini kepada satu tarikh yang akan ditetapkan dan insya-Allah kita akan berjumpa lagi.

**(Yang Berhormat Yang Di-Pertua mengetuk dengan *gavel* menandakan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ditangguhkan)**

Majlis kita tangguhkan. Sekian Wabillahi Taufik Walhidayah. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**(Majlis Mesyuarat Negara ditangguhkan)**